



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2094 0892

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2JLd.2(//)
Tarikh : 21 Februari 2011

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 1 TAHUN 2011**

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BURUNG WALIT (1GP)

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pemakaian Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP).

LATAR BELAKANG

2. Penternakan burung walit di dalam premis bangunan buatan manusia merupakan kaedah baru dalam perladangan burung walit di negara ini. Kaedah ini mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengusaha tempatan dan industri burung walit telah berkembang dengan pesat sejak lebih 10 tahun yang lalu.

3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPV) telah dilantik sebagai agensi peneraju yang bertanggungjawab bagi menyelaras aktiviti-aktiviti penternakan burung walit. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengambil tindakan menyelaras semula peraturan-peraturan yang diguna pakai oleh pelbagai agensi yang terlibat dengan aktiviti perladangan burung walit dan pemprosesan sarang burung walit melalui penyediaan 1GP bagi menjadikan industri tersebut berkembang maju dan mampan.

4. Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-63 (MNKT Ke-63) pada **2 September 2010** telah bersetuju dengan pelaksanaan 1GP oleh semua pihak PBT.

PENGGUNAAN GARIS PANDUAN

5. 1GP ini menggariskan kaedah-kaedah untuk mengawal selia aktiviti pembangunan premis perladangan burung walit dan premis pemprosesan sarang burung walit di kawasan PBT mengikut Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian PBT. Sehubungan dengan itu, peranan PBT dalam pembangunan industri ini meliputi:

- (i) menimbang dan meluluskan permohonan lesen premis penternakan dan premis pemprosesan sarang burung walit;
- (ii) menentukan kadar fi bagi lesen yang berkaitan dan menetapkan tempoh sah laku lesen;
- (iii) menimbang pembaharuan, pembatalan atau penggantungan lesen dan permohonan pindah milik lesen;

- (iv) menimbang dan meluluskan permohonan kebenaran merancang serta pelan/ permit bangunan bagi premis industri burung walit; dan
- (v) menguatkuaskan undang-undang kecil PBT sedia ada sekiranya berlaku pelanggaran terhadap undang-undang/ peraturan atau syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh PBT di premis-premis perladangan burung walit dan pemprosesan sarang burung walit.

6. Bagi kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan warisan seperti di Negeri Pulau Pinang dan Melaka, industri sarang burung walit yang baru adalah tidak dibenarkan, manakala bagi perusahaan yang sedia ada hendaklah diberi tempoh tidak melebihi 3 tahun sahaja daripada tarikh pekeliling ini berkuatkuasa.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, **Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walit yang dikeluarkan oleh Jabatan ini melalui Pekeliling JKT:MNKT/B/Bil.7/2005 dengan rujukan KPkt(02)799/10 Klt.6(38) yang bertarikh 25 Oktober 2005 adalah dibatalkan.**

PERTANYAAN

8. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Aras 2, Blok Podium 1B, Menara 4G1
Wisma Tani, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 PUTRAJAYA
(U.p.: Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan)
No. Telefon : 03 - 8870 2403 / 2411 / 2412
No. Fax : 03 - 8888 8178 / 8870 2451**

PENUTUP

9. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”
“ 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ”**

Yang Ikhlas,


(DATO' AHMAD BIN HAJI KABIT)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

21 Februari 2011

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan

S.k.:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Aras 15
Lot 4G1, Presint 4
62624 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Wisma Tani, Blok 4G1
Podium 1A, Aras 2
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya
62630 PUTRAJAYA